

Khidmat feri Pulau Pinang dihentikan jam 8.30 malam

GEORGETOWN: Bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini, perkhidmatan feri yang menghubungkan Seberang Prai dan bahagian pulau dihentikan malam tadi berikutan nasihat tsunami yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) selepas gempa bumi di Aceh, petang semalam.

Ketua Perhubungan Awam Penang Port Sdn Bhd, Suhailawatie Ramli, berkata pemberhentian perkhidmatan feri berkuat kuasa jam 8.30 malam membabitkan kedua-dua terminal di Pangkalan Sultan Abdul Halim dan Pangkalan Raja Tun Uda di sini.

“Arahan itu berikutan nasihat JMM sebagai langkah berjaga-jaga mengelak sebarang risiko akibat tsunami,” katanya di sini, malam tadi.


Pengurus Besar Komunikasi Korporat PLUS Expressways Berhad (PLUS), Khalilah Mohd Talha, pula berkata Jambatan Pulau Pinang beroperasi seperti biasa.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Gan Kong Meng, berkata pihaknya menggerakkan semua anggota dan pegawai untuk membuat melakukan hebahan di hotel dan bangunan berhampiran kawasan pantai bagi mengelak orang ramai berada berhampiran pantai.

Katanya, semua agensi bantuan juga sudah diselaraskan untuk bersedia dengan semua pegawai dan anggota turut diarahkan bersiap sedia di balai masing-masing.

Sementara itu, tinjauan di sekitar bandar raya ini mendapati semua kawasan pantai seperti di Padang Kota Lama, Persiaran Gurney, Tanjung Tokong, Miami Beach dan sebahagian kawasan Batu Feringgi dikosongkan dengan bantuan polis, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM) dan RELA.

Kawasan Bagan Ajam, Butterworth dan Penaga di Seberang Perai yang mengarah ke pantai turut ditutup kepada orang ramai.



SUASANA lengang di kawasan Terminal Feri Pangkalan Sultan Abdul Halim, Georgetown selepas operasi feri ditutup jam 8.30 malam sebagai langkah berjaga-jaga.